

## **BAB 5: MASALAH UTAMA DAN PANDANGAN MASYARAKAT LUAR TERHADAP SEKOLAH HENRY GURNEY**

Pelbagai masalah yang dihadapi oleh pihak pentadbiran terutamanya masalah kelarian, percaduhan dan kekurangan pegawai runding cara. Dalam Sistem ‘Borstal’, sikap mempercayai ditekankan kepada juvana. Misalnya mereka boleh bergerak bebas tanpa kawalan rapi. Pada permulaan pembentukan sistem ini, juvana boleh pergi bekerja membantu orang-orang kampung menanam padi di Pernu, Umbai dan Kandang. Mereka akan mendapat upah.<sup>165</sup> Sememangnya dengan cara ini, akan dapat mendekatkan jurang yang jauh antara pesalah juvana dengan ahli masyarakat. Masyarakat sekitar mempercayai dan yakin bahawa juvana ini boleh berdikari seperti budak-budak lain. Mereka boleh pergi bersembahyang di Masjid (Islam) dan gereja (bukan muslim). Walaubagaimanapun peluang ini telah disalah guna oleh juvana ini dengan melari atau menghilangkan diri kemudian kembali semula. Oleh itu didapati Sistem ‘Borstal’ tidak sesuai dipraktikkan dan hanya berjalan tiga tahun sejak penubuhannya.<sup>166</sup>

Kemudian juvana ini dikawal oleh kakitangan penjara yang diambil lebih ramai untuk bertugas. Terdapat juga kelarian berlaku walaupun ada kawalan kakitangan. Ini disebabkan kelalaian di pihak pegawai-pegawai penjara dalam menjalankan tugas dengan membiarkan pakaian dan alat-alat kerja yang boleh membantu mereka melepaskan diri. Di samping itu, pegawai-pegawai yang bertugas

---

165. Temubual dengan Mr. Francis Rozario, bertairkh 11hb. Disember, 2003, DI Ayer Keroh, Melaka.

166. Ibid dan Majalah Penjara, September, 1972, m.s. 5.

terlalu baik dan mempercayai juvana itu dengan membiarkan mereka membuat apa jua bentuk kerja dengan sesuka hati tanpa dicurigai. Malah untuk pergi kemana-mana pun dengan tidak diketahui oleh pengawal. Mereka tidak menyimpan perasaan syak atau curiga terhadap perbuatan juvana tersebut.<sup>167</sup>

Terdapat berbagai faktor yang menyebab kelarian, antaranya ialah tidak mahu dikawal, diarah mengikuti peraturan-peraturan yang diberi, fikiran dan emosi yang sukar dikawal, ditekan oleh pesalah juvana lain, tidak sabar menjalani hukuman, dapat khabar kematian ahli keluarga dan ada yang melarikan diri kerana ingin membala dendam atau menuntut bela.<sup>168</sup> Jumlah kelarian yang berlaku pada tahun 1960 an berjumlah 117 orang dan meningkat pada tahun 1970 an seramai 180 orang. Pada tahun 1960 an juvana Melayu yang paling ramai melarikan diri, iaitu berjumlah 52 orang. Sementara berbangsa Cina seramai 40 orang dan India seramai 25 orang. Pada tahun 1970 an pula, seramai 92 orang Melayu, 62 orang Cina, 26 orang India serta Serani telah melarikan diri.<sup>169</sup> Hampir keseluruhan kes kelarian berlaku kerana kecuaian kakitangan penjara. Ini menunjukkan kelemahan dan kecuaian mereka yang mengawal pesalah juvana ini dengan tidak memuaskan. Tindakan tata tertib kerap diambil pada warden. Namun masalah ini terus melanda. (Lihat jadual 11 m.s.106 dan 107). Kebanyakkan dari mereka ditangkap semula dan ditahan di Sekolah Henry Gurney, Bandar Hilir II (Borstal Tertutup). Sejumlah 85% pesalah juvana yang ditangkap semula.<sup>170</sup>

---

167. Abdul Ghani Salleh, Panduan Penjara, m.s. 16.

168. Ibid, m.s. 181.

169. Pejabat Rekod, Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.

170. Laporan Tahunan Jabatan Penjara Malaysia 1982, m.s. 12.

Jadual 11: Rekod Kelarian Sekolah Henry Gurney (1969 – 1982).<sup>171</sup>

Tahun	Bangsa			
	M	C	I/S	Jumlah
1969	6	6	4	16
1970	6	3	3	12
1971	10	3	2	15
1972	8	4	4	16
1973	11	4	3	18
1974	7	7	2	16
1975	10	7	2	19
1976	8	8	3	19
1977	8	10	2	20
1978	9	8	2	19
1979	15	8	3	26
1980	4	7	2	13
1981	10	3	3	16
1982	7	3	2	12

Petunjuk :

M – Melayu

C – Cina

I/S – India dan Serani

171. Pejabat Rekod, Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.

Sambungan Jadual 11: Rekod Kelarian Sekolah Henry Gurney (1983 – 1990).<sup>171</sup>

Tahun	Bangsa			
	M	C	I/S	Jumlah
1983	10	5	4	19
1984	8	3	6	17
1985	12	7	3	22
1986	12	5	5	22
1987	14	5	3	22
1988	10	4	6	22
1989	11	3	5	19
1990	13	4	4	21

Apa yang dapat dianalisa tentang kelarian ini sejak dua puluh tahun yang lalu, jelaslah permasalahan kelarian masih gagal dikurangkan, malahan semakin meningkat (Lihat jadual 11). Berbagai langkah telah diambil oleh pihak sekolah terutama mengenai keselamatan yang sepenuhnya. Misalnya telah meningkatkan mutu sistem pemagaran dari aspek ketinggian, di pasang kawat tajam yang bergulung dan ditambahkan satu lapis lagi pagar berduri. Selain dari itu aspek keselamatan dibangunan rumah, telah ditukarkan kepada bangunan batu. Sebelum itu bangunan peninggalan British banyak di perbuat daripada kayu. Pemeriksaan rapi kerap diadakan di dalam blok kediaman budak-budak ini agar dapat mencari sebarang alat yang diguna untuk melarikan diri termasuklah senjata.

171. Pejabat Rekod, Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.

Walaubagaimanapun permasalahan kelarian tetap berlaku. Pada 25hb. Jun 1997 negara telah digemparkan dengan berita kelarian iaitu seramai 40 orang juvana Sekolah Henry Gurney telah berjaya melarikan diri.<sup>172</sup> Kejadian ini berlaku antara pukul 3.00 pagi hingga 5.00 pagi. Mereka telah berjaya memecah bumbung rumah dan memotong pagar keselamatan tanpa disedari oleh pengawal atau warder yang bertugas. Berbagai persoalan telah timbul terutama dari segi kawalan warder, alat pemotong dawai dan pemeriksaan barang-barang penghuni. Oleh yang demikian faktor waspada penting dititik beratkan pada pesalah juvana ini. Juvana sekarang amat agresif dan berani berbanding juvana era 50 an, 60 an dan 70 an. Mereka memang sudah terdedah dengan dunia luar yang mencabar sebelum memasuki pusat tahanan. Malahan mereka perlu melakukannya untuk mencari penghidupan yang senang walaupun mereka tahu kesannya.

Dalam pergerakan mengesan dan menangkap mereka yang lari dilakukan oleh semua kakitangan kecuali yang sedang bertugas mengawal penghuni di blok-blok dengan rapi. Juvana melarikan diri ketika waktu kerja dengan cara samada memecahkan blok kediamannya, semasa pergi ke mahkamah, ketika di hospital, waktu bersukan olahraga atau ketika bermain pancaragam.<sup>173</sup> Cara mengesan ialah dengan menentu arah mereka melarikan diri, kenal rupa dan bentuk badannya dan lebih penting dengan bantuan orang-orang kampung yang menunjuk arah, memberitahu pakaian jemuran yang telah dicuri dan seterusnya membantu penangkapan mereka. Pos - pos

---

172. Berita Harian, 25hb. Jun, 1997: Pejabat Rekod Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.

173. Laporan Tahunan Jabatan Penjara Malaysia 1982, m.s. 13.

kawalan diadakan di tempat-tempat yang strategi seperti di persimpangan jalan, stesyen teksi, stesyen bas dan pekan-pekan kecil yang berdekatan. Bantuan dari pihak polis dan anjing pengesan amat penting dalam membantu mencari dan menangkap mereka. Wang tunai diberi kepada orang-orang kampung yang memberi maklumat dan menangkap pesalah-pesalah itu. Misalnya pihak sekolah akan memberi wang saguhati bernilai RM 1 000.00 kepada mereka yang dapat memberi maklumat dan RM 5 000.00 kepada mereka yang dapat menangkap juvana yang melarikan diri itu.<sup>174</sup>

Namun demikian terdapat juga juvana yang berjaya melepaskan diri dengan menumpang lori barang atau menaiki bas jika mereka mempunyai wang. Biasanya juvana berbangsa Melayu yang melarikan diri, kerap kali akan kembali ke pangkuhan keluarga. Ini membimbangkan kaum keluarga lalu menghantar semula mereka ke Sekolah Henry Gurney. Manakala juvana berbangsa Cina, jarang kembali ke pangkuhan keluarga, mereka biasanya memasuki kumpulan kongsi gelap. Juvana ini dapat dikesan semula bila mereka ditangkap oleh polis kerana melakukan jenayah yang lain. Hal yang sama berlaku pada pesalah juvana India yang biasanya mengambil tindakan mencuri bagi memperolehi wang untuk menyara kehidupan.<sup>175</sup>

Memang tidak dapat dinafikan bahawa kelarian juvana ini merupakan masalah semasa dan memerlukan masa untuk mengesan mereka. Berjaya atau tidaknya pihak sekolah menangkap penghuni yang melarikan diri itu bergantung kepada kerjasama yang diberikan oleh penduduk tempatan, kecekapan bertindak serta

---

174. *Ibid*, m.s. 15.

175. Temubual dengan En. Sooib bin Ogah, bekas Pegawai Rekod Henry Gurney, (1986-1992) pada 10hb. Disember, 2003, di Penjara Seremban, N. Sembilan.

kepintaran para petugas yang diserahkan tanggungjawab bagi menangkap juvana tersebut. Namun begitu, berdasarkan kepada kajian, penulis mendapati pemasalahan ini sukar dibanteraskan. Sebagai seorang yang telah pernah mengalami kebebasan hidup, juvana ini akan sentiasa cuba melarikan diri dan kesempatan ini diambil bila-bila masa sahaja dirasakan peluang untuk bertindak sedemikian terbuka.

Seorang juvana yang ingin melarikan diri biasanya telah mengkaji kelemahan kakitangan penjara yang mengawal mereka. Bila kelemahan itu dapat diketahui, maka dari situlah peluang diambil untuk melarikan diri atau melakukan perkara yang melanggar undang – undang Sekolah Henry Gurney.<sup>176</sup> Di samping itu, terdapat juvana yang belum matang untuk menilai mana yang baik atau yang buruk. Mereka memikirkan keseronokan, jadi bila dikongkong dan tertekan melalui peraturan-peraturan sekolah, diikuti pula oleh desakan-desakan luar maka mereka melarikan diri tanpa memikirkan kesannya.

Di samping kelarian, masalah pergaduhan di antara pesalah kerap berlaku. Lebih merbahaya lagi pergaduhan berbentuk perkauman dan berkumpulan terutama antara kaum Melayu dengan Cina dan juga kaum Melayu dengan India. Manakala pergaduhan antara kaum Cina dengan India tidak pernah berlaku. Kebanyakan kumpulan-kumpulan ini memang terdiri daripada ahli-ahli kongsi gelap terutama kaum Cina. Walaupun mereka dikawal dan ditegah, mereka tetap membentuk kumpulan ini sama seperti di luar. Pergaduhan atau rusuhan kerap berpunca untuk menunjukkan kumpulan kaum yang terkuat supaya dapat ‘mengawal’ pusat tahanan atau sekolah tersebut. Jadi kumpulan kaum-kaum lain akan tunduk.

---

176. Temubual dengan En. Sooib bin Ogah, 10hb. Disember, 2003, di Penjara Seremban, N. Sembilan.

Selain dari itu, masalah ‘adik jambu’ menjadi punca pergaduhan.<sup>177</sup> ‘Adik Jambu’ bermaksud seorang budak lelaki yang berbadan kecil, berkulit putih dan air mukanya cantik kerap menjadi sasaran budak lelaki berbadan tegap terutama berbangsa India dan Melayu. ‘Adik Jambu’ pula kebanyakannya berbangsa Melayu dan Cina. Jadi di sini wujud perebutan untuk mengawal dan menjaga ‘adik jambu’. Tetapi yang selalu menjadi permasalahan jika ‘adik jambu’ itu berbangsa Melayu telah dijaga oleh budak India yang berbadan tegap dan kuat. Tambahan pula budak Melayu yang berbadan tegap dan pengikutnya akan cuba mempertahankan ‘adik jambu’ berkenaan maka akhirnya akan berlakulah pergaduhan. Pada peringkat awal pergaduhan mereka berbentuk satu lawan satu yang dianggap ‘gentleman’. Semasa pergaduhan ini seorang budak akan mengawal di hadapan pintu blok kediaman untuk memerhati keadaan di luar. Apatah lagi pegawai penjara yang bertugas di blok tersebut pergi berbual dengan pegawai penjara yang bertugas di menara keselamatan. Selanjutnya pergaduhan ini akan merebak menjadi pergaduhan beramai-ramai.

Lebih memburukkan keadaan, bilamana kedua-dua pihak mula menggunakan senjata berbahaya seperti kaca yang dibalutkan kain, sabit patah dan berus gigi yang ditajamkan. Senjata-senjata ini berjaya diseludup masuk selepas mereka pulang dari bekerja dan menyimpannya di tepi-tepi pagar. Mereka akan mengambilnya pada waktu petang tanpa disedari oleh pegawai penjara yang bertugas di pos kawalan. Dengan kata lain mereka menggunakan berbagai cara terutama ke atas kelemahan kakitangan penjara yang bertugas. Oleh yang demikian untuk mengesan perancangan mereka, pegawai

---

177. Pengalaman penulis yang pernah berkhidmat di Sekolah Hendry Gurney, Telok Mas, dari 1982 – 1995.

penjara terpaksa menyimpan ‘hantu’. ‘Hantu’ di sini bermaksud seorang pesalah juvana yang dipercayai boleh memberi kerjasama terutama dari segi memberi maklumat tentang sesuatu perkara yang dirancang oleh juvana lain khasnya kelarian, pergaduhan dan penyeludupan rokok tembakau dan dadah.<sup>178</sup> Juvana ini akan diberi hadiah dan dirahsiakan.

Seterusnya didapati bahawa sekolah ini masih memerlukan perubahan besar yang dirasakan dapat melicinkan lagi pentadbirannya. Ia juga diharapkan dapat memberikan cara pemulihan terbaik kepada juvana yang ditahan di sini. Suatu perkara yang amat jelas ialah masalah kekurangan kakitangan terlatih khasnya di bidang psikologi. Walaupun pada akhir-akhir ini telah ditubuhkan satu badan runding cara khasnya bagi merawat dan memberikan panduan kepada juvana yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah tetapi ia belum mencukupi.

Dari kajian yang dilakukan, penulis juga mendapati bahawa sekolah ini masih menghadapi kekurangan pegawai runding cara. Dengan adanya pegawai ini sekurang-kurangnya dapat menyelesaikan dan memberi pemulihan yang terbaik kepada pesalah juvana. Oleh itu pihak sekolah perlu mengambil lebih ramai lagi kakitangan yang terlatih khasnya dalam bidang psikologi. Hal ini amat penting memandangkan jumlah kemasukan juvana semakin meningkat terutama yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah. Selain dari menjadi penagih, mereka juga terlibat dalam penjualan dadah yang berjaya dipergunakan oleh penjenayah dewasa.

---

178. Ibid.

Pihak sekolah khasnya serta beberapa kementerian lain yang terlibat di dalam usaha pemulihan haruslah menyedari bahawa juvana yang dihantar ke sekolah ini bukan sekadar berhadapan dengan masalah salah asuhan, bahkan ia juga melibatkan tekanan jiwa akibat dari rumahtangga serta masyarakat yang tidak teratur. Laporan terakhir menunjukkan bahawa terdapat sebilangan besar juvana yang ditahan di sini datangnya dari keluarga yang terhormat, disegani serta mempunyai status sosial yang tinggi. Persoalannya sekarang kenapa mereka ini terlibat dengan penyakit seperti dadah, jenayah dan sebagainya? Justeru itu, penulis mencadangkan agar pihak sekolah dan jabatan penjara menghantar lebih ramai kakitangannya berkursus di luar negeri seperti di Amerika Syarikat dan Britain bagi mempelajari cara terbaru dalam usaha pemulihan terhadap juvana.

Selain daripada itu penulis juga mendapati tiadanya usaha yang diambil bagi mengasingkan juvana ini kepada jenis kesalahan yang dilakukan. Mereka ini terpaksa tinggal di bawah satu bumbung bersama-sama para perompak, penjenayah, pencuri dan sebagainya sedangkan mereka ditahan di sini adalah atas tujuan memerlukan kawalan dan bukannya kesalahan jenayah. Apa yang jelas ialah secara tidak langsung mereka ini akan mempelajari perkara-perkara yang buruk dari teman-temannya. Walaupun telah ada usaha bagi mengasingkan mereka ini dari juvana yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah tetapi ianya belum mencukupi lagi. Apakah kita ingin melihat juvana ini menjadi ‘sampah masyarakat’ apabila mereka keluar nanti?

## Pandangan Masyarakat Luar

Untuk merapatkan hubungan dengan masyarakat, lawatan dari luar digalakkan. Di samping itu mereka bebas memberi ulasan mengenai cara pemulihan yang diberi kepada juvana. Penyakit sosial yang berpunca dari dalam keluarga dan masyarakat secara keseluruhan perlu dibanteras dengan sebaik mungkin. Oleh itu kerjasama dari semua pihak yang terdiri dari ahli masyarakat akan membantu juvana ini mempunyai masa depan yang cemerlang. Masyarakat secara keseluruhannya ada menerima semula bekas juvana Sekolah Henry Gurney kerana ramai telah mendapat pekerjaan setelah dibebaskan. Malah ada pula persatuan-persatuan yang menjamin kebajikan mereka setelah dibebaskan. Ada yang menjadi tentera udara dan darat (berpangkat tinggi), bahkan ahli perniagaan yang ternama.<sup>179</sup> (Nama-nama bekas SHG dirahsiakan). Secara jelas di sini ada yang menjadi orang yang paling berguna pada bangsa, dan negara. Walaubagaimanapun masih terdapat bekas-bekas pesalah juvana kembali melakukan jenayah dan menjadi penghuni penjara pula.<sup>180</sup>

Ada teori yang mengatakan bahawa perbuatan jenayahnya itu kadangkala memang sudah bersemadi dan tersemai di sanubari mereka. Ramai yang sengaja tidak mahu bekerja kerana memang sifatnya suka bertindak ganas, suka mencuri dan menyamun untuk medapat kesenangan dengan jalan yang mudah. Walaubagaimanapun

---

179. Temubual dengan Dato Ibrahim bin Mohamad, bertarikh 3hb. Disember, 2003, di Cheras, Selangor.

180. Ibid.

sikap masyarakat itu sendiri memandang dan menganggap bekas juvana ini hina, jahat dan kotor. Malah tidak kurang pula yang menganggap mereka sebagai sampah masyarakat. Bila gagal mencari pekerjaan dan setelah tidak ada jalan lain, mereka akan mengulangi perbuatan lamanya dan masuk semula ke dalam penjara. Hal ini sendiri dinyatakan oleh En. Abdullah Malim Baginda, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Melaka yang menyatakan :

“ Sebagai ahli masyarakat, kita mestilah menerima seseorang itu walaupun dia bekas pesalah Sekolah Henry Gurney atau pun banduan. (segelintir masyarakat menganggap pesalah-pesalah SHG sama seperti banduan). Ibarat orang berhutang, dia sudah pun membayar hutangnya (tahanan).”<sup>181</sup>

Jelaslah bekas pesalah juvana ini mempunyai keyakinan diri untuk menjadi ahli masyarakat dan ini bergantung sepenuhnya pada sikap di samping latihan yang telah diberi. Oleh kerana sikap kesedaran belum ada, memang tidak dinafikan mereka meneruskan jenayah lama. Walaupun Sekolah Henry Gurney pada awal zaman penubuhannya terpaksa berhadapan dengan berbagai masalah baik dari segi pentadbiran atau dari segi penjagaan kanak-kanak tetapi organisasi ini telah menyumbang jasa yang amat bernilai sekali. Hal ini jelas diperkatakan secara jujur oleh Ahli-ahli Lembaga Pelawat, Pelawat-pelawat dalam dan luar negeri. Dalam pada itu Ahli Lembaga Pelawat ada membuat lawatan di Sekolah Henry Gurney untuk melihat bentuk-bentuk

---

181. Temubual dengan En. Abdullah Malim Baginda, bekas Ketua Pengarah Kementerian Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka bertarikh 15hb. Disember, 2003, di Taman Merdeka, Melaka.

kegiatan yang dilakukan oleh pesalah juvana ini. Di sini juvana bebas menyatakan rasa tidak puas hati tentang apa yang telah dihadapi ketika di Sekolah Henry Gurney. Ketika berbicara dengan Ahli Lembaga Pelawat, tidak ada seorang pun Pegawai Penjara mengekori mereka.<sup>182</sup> Jelaslah perkara ini penting untuk diketahui setakat mana dan sejauhmana juvana ini dipulih dan dibimbang.

Walaubagaimanapun perkara ini tidak dititik berat lagi sejak mencapai kemerdekaan. Apa yang mendatangkan masalah ialah sikap para juvana yang kebanyakannya telah mengambil kesempatan meminta beberapa perkara yang pihak pentadbiran Penjara tidak boleh lakukan atau luluskan. Ini semua memerlukan akta dan kewangan.<sup>183</sup> Ramai pelawat telah melawat dan melihat aktiviti juvana ini. Hampir kesemuanya telah memberi penghargaan secara jujur. Sir Henry Gurney sendiri pada tarikh 28.2.1951 semasa mengadakan lawatan telah menulis ;

*“ The expension and consolidation of the school, achieved since my last visit, do great credit to it's staff. This has meant a great deal of hard work and is....result. It is by that the school must be judged and out of the disadvantages to date there have been failures. The whole spirit of the place is good....and can safely expand further”.*<sup>184</sup>

---

182. O.V. Garratt, Report On The Prisons Department in The Federation of Malaya For The Years 1954, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, m.s. 15.

183. Temubual dengan Dato' Ibrahim bin Mohamad pada 3hb. Disember, 2003.

184. Petikan ini didapati dari buku pelawat di Pejabat Pengarah Sekolah Henry Gurney. Dalam buku ini penulis mendapati yang sekolah ini telah menerima pelawat dari seluruh pelusuk dunia. Mereka meninjau cara – cara bagaimana kanak – kanak di sini diberi pemulihan. Mereka berpuas hati serta telah mengambil contoh sekolah ini sebagai panduan dalam memberikan pemulihan kepada kanak – kanak salah asuhan di negeri Melaka. Lampiran 2 m.s. 135 – 151.

Penghargaan lain datang dari seorang Pengarah UNAFEI, Tokyo, Jepun pada 3hb. Mac 1951 berbunyi :

*“.....deeply impressed by the level of discipline and offices enthusiasm for rehabilitating boys. This is certainly a walking example of a successful juvenile training school...”*<sup>185</sup>

Selain dari itu, Menteri Kebajikan Am iaitu Datin Aishah Ghani ada membuat lawatan pada 17hb. November 1962 dan menyatakan :

“....Saya telah beroleh kesempatan melawat Sekolah Henry Gurney dan saya merasa sekolah ini akan dapat memberi didikan yang elok kepada kanak – kanak yang telah ke sini”.<sup>186</sup>

Akhir sekali penghargaan datang dari Setiausaha Tetap, Jabatan Menteri, Malaysia iaitu Encik Shamsuddin bin Ariffin yang datang melawat pada 9hb. September 1965 dan menulis ;

“.....Saya mengucap tahniah khas kepada Pancaragam Sekolah ini yang telah mempertunjukkan kebolehannya. Jarang saya dapat menyaksikan darjah pancaragam dari sebuah sekolah tinggi semacam yang terdapat di sekolah ini....”.<sup>187</sup>

Jadi dari apa yang dapat kita lihat di sini bahawa rata-rata lapisan masyarakat amat berpuas hati dengan bentuk-bentuk pemulihan yang disediakan kepada juvana. Malah masyarakat sekitar menyokong dan bersetuju dengan wujudnya pusat latihan ini dalam mendidik masa depan anak bangsa.

---

185. Ibid.

186. Ibid.

187. Ibid.

### **Cadangan :**

Pada pendapat penulis, pelbagai perkara boleh dilakukan oleh Sekolah Henry Gurney dalam usaha untuk membaiki sistem pemulihan juvana antaranya seperti memperbanyakkan lagi kakitangan yang terlatih dalam bidang psikologi kanak-kanak untuk menentukan bahawa setiap juvana yang dihantar ke sini atau pun lain-lain Sekolah Henry Gurney mendapat didikan yang secukupnya lalu keluar sebagai manusia yang berguna kepada keluarga dan negara. Dalam pada itu disiplin kakitangan hendaklah diutamakan untuk menjadi contoh kepada pesalah juvana tersebut. Dari segi pentadbiran pula adalah dirasakan ianya perlu diperkemaskini lagi memandangkan terdapatnya beberapa kelemahan yang agak ketara seperti dalam soal rekod penghuni dan laporan yang perlu dikeluarkan.

Sistem rumah sepihama yang disentuh sebelumnya haruslah diperbaiki, khasnya dengan mengurangkan jumlah bilangan penghuni dari 15 hingga 20 orang bagi memudahkan kawalan dan pemulihan secara keseluruhan. Rumah atau dormiti yang ada dewasa ini khasnya yang lama perlulah diperbaiki. Penghuni misalnya terpaksa tinggal di dalam suatu kawasan yang agak sesak dengan katil bertingkat serta suasana bilik yang kurang memuaskan. Keselesaan juvana adalah perlu di samping menjauhkan mereka dari gangguan dan pengaruh rakan-rakan sebaya yang mempunyai tingkah laku negatif.

Dalam pada itu juga adalah perlu bagi pihak sekolah memperbanyakkan lawatan keluarga terhadap penghuni. Ini bertujuan bagi menambah kemesraan antara anak dan ibu bapa di samping merapatkan hubungan kasih sayang. Sekolah ini juga perlu

membuka pintunya kepada orang ramai untuk mengetahui kegiatan sebenar di dalamnya. Sekolah ini dirasakan terlalu asing bagi penduduk tempatan dalam ertikata mereka kurang mengetahui apakah yang berlaku disebalik pagar-pagar berduri itu.

Dari segi pendidikan pula penulis mencadangkan agar diperseimbangkan antara pendidikan vokasional dengan akademik. Ini bertujuan memperlengkapkan lagi juvana itu untuk menghadapi dunia luar yang semakin mencabar dewasa ini. Apakah yang boleh diperbuat jika sekadar berkelulusan darjah enam sekolah kebangsaan atau jenis kebangsaan? Mereka hanya mempunyai sedikit pengalaman di dalam beberapa bidang, dapatkah mereka menyara diri dan keluarganya di masa akan datang? Berdasarkan masalah ini, penulis berpendapat betapa pentingnya kedua bidang itu diperseimbangkan dan diperbanyakkan.

Dalam pada itu juga masa belajar juvana perlulah dipanjangkan lagi. Mereka juga perlu diransangkan untuk terus belajar serta meringankan hukuman yang dikenakan. Dari segi rohani pula adalah lebih baik kiranya jadual yang sedia ada dipertambah dengan memperbanyakkan pembelajaran tentang soal ketuhanan dan budi pekerti. Di samping itu juga disiplin dan ketahanan diri hendaklah dipertingkatkan berdasarkan rukun negara dan agama.

Selain dari itu, juvana yang melakukan kesalahan kecil dikenakan hukuman menjalani kerja-kerja khidmat sosial dan kaunseling terbuka bersama ibu bapa mereka berbanding ditahan bersama juvana lain di pusat akhlak. Sehubungan dengan ini, sistem ini mampu memberi kesan terbaik kerana golongan ini tidak lagi dikelilingi dengan

faktor-faktor yang boleh mempengaruhi perlakuan mereka. Secara tidak langsung dapat mengurangkan risiko untuk mengulangi kesilapan lalu atau melakukan jenayah yang lebih serius. Mereka tidak akan ditahan atau dipulihkan di pusat pemulihan akhlak atau sebaliknya akan menjalani kaunseling secara berkumpulan bersama ibu bapa atau penjaga dan masyarakat sekitarnya. Mereka harus melakukan kerja-kerja masyarakat sebagai hukuman kepada kesalahan yang telah dilakukan. Ini turut memberi kesedaran kepada ibu bapa.

Seterusnya program kaunseling berkumpulan bersama ibu bapa dilaksanakan dengan terperinci dan bersungguh-sungguh. Namun begitu, kebanyakkhan ibu bapa pesalah juvana sukar memberi kerjasama dalam usaha memulihkan anak-anak mereka. Sebaliknya mereka lebih suka menyerahkan tanggungjawab itu kepada pihak lain. Peranan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dalam menghadapi masalah begini, hendaklah tegas supaya sistem ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Jelaslah di sini bahawa pesalah juvana yang terbabit akan dapat melibatkan diri dengan masyarakat sekali gus dapat memulihkan keyakinan diri mereka untuk menjadi warga negara yang berguna pada bangsa, agama dan negara.

## KESIMPULAN

Sekolah Henry Gurney sebagai institusi pemulihan akhlak yang diperkenalkan oleh pihak British secara keseluruhannya masih digunakan dalam aspek pemulihan di kalangan juvana hingga sekarang. Hanya hal-hal keselamatan lebih ditekankan lagi. Misalnya dari aspek kawalan perlu diperketat pada setiap pergerakan juvana walaupun di dalam kawasan sekolah. Ia untuk mengelakkan aktiviti negatif lebih banyak wujud. Dengan kata lain lebih banyak kebebasan diberi, akan mengundang lebih banyak masalah. Semasa pemerintahan British, banyak masalah yang wujud akibat terlalu mengikut sistem ini sepenuhnya. Di samping kelarian, berlaku rusuhan seorang juvana Melayu yang telah menikam seorang pegawai Inggeris yang bertugas pada sebelah petang iaitu Mr. Nill bertarikh 15.9.1953.<sup>188</sup> Perkara ini berlaku kerana pegawai Inggeris itu telah menghina dan memaksa pesalah juvana tersebut memecah batu selama lima minggu. Di satu ketika sistem ini tidak diikuti sepenuhnya. Misalnya kesemua juvana seramai 350 orang dikerah membuat padang bola tanpa bantuan dari Jabatan Kerja Raya ketika itu. Mereka bekerja dari pagi hingga ke petang. Mereka berehat setiap kali selesai mengangkat 20 pungkis tanah untuk ditambah.<sup>189</sup>

Seterusnya pendekatan sistem Borstal telah diubah dan pendekatan yang melibatkan masyarakat ditekankan selepas merdeka. Sistem pendidikan berbentuk sekular dan kemahiran diutamakan. Latihan vokasional menjadi teras utama kepada juvana. Di samping dapat menonton televisyen, penyanyi-penyanyi tanahair dijemput

---

188.O.V. Garratt, Report On The Prisons Depart. 1953, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, m.s. 17.

189.Temubual dengan En. Amad bin Madon, bertarikh 13hb. Februari, 2004, di Umbai, Melaka.

mengadakan pertunjukan untuk menghiburkan mereka.<sup>190</sup> Banyak perubahan berlaku selepas kemerdekaan.

“sistem pemulihan kita di Sekolah Henry Gurney saya dapatilah berjaya daripada sistem yang dijalankan di negeri-negeri asing malahan sistem pemulihan kita adalah yang terbaik dan yang berkesan sekali di rantau Asia dan Pasifik”.<sup>191</sup>

Masalah kekurangan kakitangan juga menyukarkan bentuk pemulihan berjalan dengan licin khasnya kekurangan kakitangan yang terlatih dalam bidang psikologi. Memang tidak disangkal sejak akhir-akhir ini pihak Sekolah Henry Gurney telah menubuhkan satu badan rundingan khasnya untuk merawat pesalah juvana yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah, tetapi belum mencukupi. Lebih ketara lagi juvana yang banyak terlibat dalam penyalahgunaan dadah terpaksa bercampur dengan juvana yang terlibat dalam pembunuhan, perompakan, pencurian, perogol dan lain-lain. Sedangkan mereka ditahan atas tujuan memberi kawalan dan bukan atas kesalahan jenayah. Ini secara tidak langsung akan mempengaruhi mereka mempelajari perkara-perkara yang buruk dari kawan-kawannya. Kelemahan ini belum dapat diatasi lagi.

Sistem rumah yang diamalkan di sekolah ini juga dirasakan kurang berkesan dalam usaha pemulihan terhadap juvana. Bilangan seramai 60 hingga 70 orang juvana yang di tempatkan dalam suatu masa di sebuah rumah di bawah kawalan seorang guru rumah adalah dirasakan kurang bersesuaian. Apa yang ketara ialah terlalu sukar bagi mengawal juvana seramai itu dengan mempunyai rekod peribadi yang berbagai ragam.

---

190. Berita Harian, 20hb. Januari, 1984.

191. Ibrahim Hj. Mohamad ‘Henry Gurney School’. Kertas kerja yang disampaikan di Persidangan Asian dan Pasifik yang keempat bagi pentadbir-pentadbir Koreksional, New Zealand, bertarikh 18hb. Hingga 22hb. Julai, 1983, m.s. 14 – 18.

Terlalu sukar bagi menentukan adakah mereka ini telah benar-benar insaf dan mahu merubah masa depannya.

Bagi guru rumah pula untuk menjaga penghuni seramai itu adalah sukar khasnya jika diandaikan masa yang diperlukan bagi mendekati setiap penghuni itu untuk memahami jiwa dan peribadi serta memahami masalah mereka. Apa yang dapat diperhatikan ialah seringkali berlakunya pertengkaran, pergaduhan dan sebagainya apatah lagi jika sesebuah rumah itu dimonopoli oleh sesuatu bangsa tertentu sahaja. Justeru kerana itu penulis berusaha memberikan pandangan bagi mengatasi masalah ini.

Memang tidak dapat dinafikan terdapat segelintir bekas juvana Sekolah Henry Gurney kembali melakukan jenayah dan menjadi penghuni penjara pula. Lebih kurang 20% banduan-banduan yang ditahan dalam penjara seluruh Semenanjung Malaysia adalah bekas dari sekolah ini.<sup>192</sup> Ini adalah kerana sikap kesedaran yang longgar atau tiada langsung berada dalam sanubari mereka. Cita-cita untuk menjadi manusia yang berguna tidak disemat dalam fikiran mereka. Apa yang diketahui ialah untuk mendapatkan kesenangan melalui jalan mudah iaitu melalui rompakan, peras ugut, menculik, mencuri dan lain-lain. Sebenarnya kemasukan mereka semula ke penjara bukanlah disebabkan tidak memperolehi latihan dan pemulihan di SHG atau pun faktor kemiskinan tetapi sebenarnya mereka malas untuk berusaha dengan peluang-peluang yang ada. Oleh itu jelaslah faktor sikap menjadi penyebab utama mereka kembali ke

---

192. Temubual En. Donald Wee, Timbalan Pengarah Penjara Malaysia bertarikh 20hb. Disember, 2003.  
Ibu Pejabat Penjara, Kajang, Selangor.

penjara. Misalnya bekas juvana Sekolah Henry Gurney yang digelar "Botak Chin", "Gajah" dan lain-lain merupakan juvana yang aktif dan ganas telah mewujudkan kumpulan ganster. Mereka amat berpengaruh bila keluar dari SGH, Mereka telah menjalankan aktiviti perompakan di kalangan taukeh - taukeh Cina khasnya yang mempunyai kilang papan.<sup>193</sup>

Tujuan rompakan yang dilakukan oleh "Botak Chin" dan kumpulannya ialah untuk membantu orang-orang Cina yang miskin. "Botak Chin" berasal dari keluarga miskin. Mereka telah menggunakan senjata api dan mengakibatkan pembunuhan. Akhirnya "Botak Chin" ditahan di Penjara Pudu selama empat tahun (1975 – 1976) dan kemudian digantung sampai mati.<sup>194</sup> Jelaslah di sini bahawa jenayah yang dilakukan bukanlah disebabkan semata-mata sikap yang ada tetapi juga sikap ingin membantu golongan yang miskin dalam kumpulannya. Sebab itu memang tidak dinafikan "Botak Chin" mempunyai pengaruh yang kuat, baik di dalam atau di luar penjara. Oleh kerana pengaruh yang kuat di dalam Penjara Pudu ketika itu, maka Kerajaan Malaysia mempercepatkan hukuman gantung sampai mati kerana telah berlaku rusuhan pada tahun 1986.

Dari apa yang dihurai di atas penglibatan masyarakat amat penting sekali untuk menerima semula juvana ini kembali ke pangkuhan masyarakat dengan cara memberi bantuan, pandangan serta kerjasama kepada mereka. Mereka harus digalakkan melalui

---

193. Ibid.

194. Utusan Malaysia, bertarikh 15hb. March, 1987.

penglibatan dalam aktiviti-aktiviti sosial dan ekonomi. Begitu juga peranan yang dimainkan oleh ahli-ahli politik amat penting seperti memperbanyakkan aktiviti sosial yang sihat di kawasan pentadbiran mereka. Dalam masa yang sama mereka perlu diberi peluang melibatkan diri dalam perniagaan walaupun berbentuk kecil-kecilan seperti menjual air tebu, air kelapa dan bermacam-macam lagi.

Selain dari itu mereka perlu diberi peluang dengan menyediakan bengkel-bengkel membaiki kereta, motor dan kimpalan kerana semua ini telah mereka pelajari di pusat pemulihan. Dalam pada itu juga Jabatan Penjara mesti menubuhkan sekumpulan pegawai mereka untuk memantau bekas-bekas juvana SHG. Di sini dapat dinilai sejauh mana program pemulihan dan latihan semasa di SHG berkesan. Apa yang jelas sejak kebelakangan ini kes-kes jenayah yang melibatkan remaja semakin meningkat. Menurut laporan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat terdapat peningkatan kes jenayah yang melibatkan remaja terlalu ketara sekali. Kes-kes yang melibatkan gejala sosial di negara ini sudah sampai ke tahap yang membimbangkan, walaupun masih terkawal. Hari ini usaha menangani gejala sosial di negara ini memerlukan satu mekanisme yang lebih tersusun memandang kes yang dilaporkan bukan sahaja meningkat dari segi bilangan, tetapi bentuk kesalahan yang dilakukan adakalanya di luar pertimbangan yang waras.

Perbuatan merogol dan membunuhi wanita tidak kira tua atau bayi, sumbang mahram, gengsterisme dan penagihan dadah serta pelbagai kegiatan tidak bermoral telah berani dilakukan oleh para remaja. Misalnya kes pembunuhan seorang pelajar

asrama agama di Seremban, kes rogol dan bunuh pelajar perempuan di Alor Gajah Melaka.<sup>195</sup> Semuanya melibatkan remaja. Permasalahan ini telah menggempar negara sehingga Yang Di Pertuan Agung Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail mencadangkan supaya ulama dan pendakwah turun padang mendekati serta membimbing golongan yang menghadapi masalah keruntuhan akhlak dan penyakit sosial terutama di kalangan remaja dengan segera.<sup>196</sup> Dalam pada itu juga sebagai langkah awal pihak kerajaan bercadang melaksanakan demonstrasi hukuman sebat di semua sekolah dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia. Ini bertujuan memberi pengajaran dan wajar dijadikan ingatan supaya mereka tidak terdorong melakukan jenayah.<sup>197</sup>

Sehubungan dengan itu jelaslah Sekolah Henry Gurney telah dapat mengekalkan imejnya sebagai salah sebuah sekolah yang terbaik di negara ini dalam usaha pemulihan terhadap pesalah juvana. Walau bagaimanapun sistem pemulihan juvana perlulah diberi perhatian dengan lebih bersungguh-sungguh oleh pihak kerajaan terutama dari segi bantuan kewangan. Maka sebagai mengakhiri penulisan ini, penulis sekali lagi menyeru setiap pihak memberikan kerjasama yang sedapat mungkin dalam usaha menjauhkan remaja dari terjerumus ke dalam masalah salah asuhan. Semua pihak telah ketahui bahawa mereka adalah pewaris bangsa kepada negara kita Malaysia.

---

195. Berita Harian, 20hb. Mei, 2004.

196. Berita Harian, 21hb. Mei, 2004.

197. Utusan Malaysia, 20hb. Mei, 2004.

\*\*\*\*\*